

SUMBANGAN WAN AINUDDIN HILMI ABDULLAH DALAM BIDANG TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA^(*)

*(Contribution of Wan Ainuddin Hilmi Abdullah In The Field of
Tarannum Al-Quran in Malaysia)*

Anuar bin Hasin¹, Norazman bin Alias², Zainora binti Daud³
Muhammad Lukman bin Ibrahim⁴

ABSTRACT

Malaysia is well-known as the first country in the world to host the International Quran Recitation Assembly (MTQA). The impact of organizing MTQA has resulted in the emergence of many renowned male and female Quran reciters on the global stage. Ustaz Wan Ainuddin Hilmi was one of the successful qaris who achieved the title of MTQA Champion in 2016. Throughout his life, he was recognized as a qari with high-quality recitation skills and was frequently invited to perform recitations both domestically and internationally. This study aims to uncover the contributions of Wan Ainuddin Hilmi in the field of Quranic art (Tarannum al-Quran) in Malaysia by examining his background in the field of Quranic art, as well as his achievements in Quranic recitation. Additionally, his contributions and roles in the development of other areas, such as the science of tajwid, are also explored in this study. Information was collected through semi-structured interviews and library research. The study found that Ustaz Wan Ainuddin Hilmi deeply

^(*) This article was submitted on: 08/04/2025 and accepted for publication on: 25/06/2025.

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
(Corresponding author)

Email: anuarhasin@usim.edu.my

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Email: norazman@usim.edu.my

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Email: zainora@usim.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Email: mdlukman@usim.edu.my

immersed himself in the art of Quranic recitation, learning from numerous prominent qari figures from both within and outside the country. Furthermore, he won the title of MTQA National Quran Recitation Champion three times during his lifetime. Throughout his life, he was also actively involved in accepting invitations to Quranic gatherings both domestically and internationally. He also authored several books on the science of tajwid. However, the Muslim community lost this valuable gem when he passed away due to a heart attack on October 19, 2021.

Keywords: *Quranic Art Figures, Recitation, Al-Quran, Best Reciter*

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang sangat terkenal sebagai sebuah negara yang pertama di dunia menganjurkan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa. Impak daripada penganjuran MTQA ini, lahirlah ramai qari dan qariah yang bertaraf dunia. Ustaz Wan Ainuddin Hilmi merupakan salah seorang qari yang berjaya muncul sebagai Johan Qari MTQA pada tahun 2016. Sepanjang hayatnya, beliau dilihat sebagai salah seorang qari yang mempunyai mutu bacaan yang berkualiti di samping sering diundang untuk mempersembahkan bacaan di dalam dan luar negara. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan tentang sumbangan Wan Ainuddin Hilmi dalam bidang seni tarannum al-Quran di Malaysia melalui pengkajian terhadap latar belakang pembabitan beliau dalam bidang seni tarannum disamping melihat kejayaan-kejayaan yang telah beliau capai dalam bidang seni tilawah al-Quran. Selain itu, sumbangan dan peranan beliau terhadap pembangunan bidang lain seperti ilmu tajwid turut menjadi motif kajian ini. Maklumat dikumpulkan melalui kaedah temubual separa berstruktur dan kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa Ustaz Wan Ainuddin Hilmi telah mendalami ilmu seni tarannum al-Quran daripada ramai tokoh qari daripada dalam dan luar negara. Selain itu, beliau telah berjaya muncul sebagai Johan Qari Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan sebanyak 3 kali. Sepanjang hayat beliau juga bergiat aktif dalam memenuhi jemputan hafiah al-Quran di dalam dan di luar negara. Beliau juga telah menerbitkan beberapa buah buku dalam bidang ilmu tajwid. Walaubagaimanapun ummah telah

kehilangan permata berharga ini apabila beliau telah kembali kerahmatullah pada 19 Oktober 2021 akibat serangan jantung.

Kata Kunci: Tokoh Tarannum, Tilawah, Al-Quran, Johan Qari

1. Pendahuluan

Seni bermaksud segala ciptaan manusia yang lahir dari getaran jiwanya yang dapat mewujudkan sesuatu yang indah dan luhur (Mohd Ali Abu Bakar, 1997). Manakala tarannum pula berasal daripada perkataan *tarannama* (تَرْنَم) yang bererti menyanyi, mendendang dan memperelokkan suara terhadap sesuatu. Maka setiap sesuatu yang menghasilkan bunyi atau suara yang menarik untuk didengar adalah dipanggil nyanyian (tarannum) (Ibrahim & Ghani, 2018). Ia asalnya adalah sebuah istilah yang umum yang boleh digunakan kepada pelbagai perkata. Namun menurut Nik Jaafar (2011) *tarannum bil Quran* merupakan sebuah disiplin ilmu yang khusus yang membicarakan tentang kaedah suara yang dipelbagaikan bunyi mengikut proses nada, rentak dan irama yang tertentu untuk menambahkan keelokan seni bunyi sesuatu bacaan, khususnya bacaan al-Quran. Menurut Wan Hilmi Wan Abdullah (2010), bertarannum bermaksud suatu proses membaca al-Quran dengan lagu-lagu bagi tujuan menggambarkan maksud ayat yang dikehendaki. Tarannum al-Quran bukanlah sesuatu yang haram ataupun bid'ah sepertimana yang di dakwa oleh sebahagian ulama kerana yang dimaksudkan dengan tarannum itu ialah *tahsin al-sout* yang merupakan suatu yang disunatkan bagi orang yang membaca al-Quran (Mohd Ali Abu Bakar, 1997). Oleh yang demikian, seni tarannum al-Quran adalah sebuah cabang ilmu yang khusus berkaitan dengan cara melagukan Al-Quran bagi memperelokkan bunyi bacaannya serta menggambarkan maksud ayat yang dibaca dan tidak terkait dengan seni nyanyian moden.

Perkembangan seni tarannum al-Quran di Malaysia banyak dipengaruhi oleh faktor Majlis Tilawah Al-Quran yang bermula sejak penganjuran pertamanya pada tahun 1960. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2003) Melalui majlis ini lahirlah tokoh-tokoh qari dan qariah yang kemudiannya menyebarkan dan mengajarkan ilmu ini di kalangan masyarakat. Di antara tokoh-tokoh terkenal dalam bidang seni tarannum al-Quran di Malaysia ialah Haji Ismail bin Hashim, Haji Abd. Ghani @ Abd. Hak bin Abdullah, Haji Abdul Rahim Ahmad, Hajjah Faridah Mat Saman, Hajjah Rogayah Sulong, Haji Nik Jaafar Nik Ismail, Hajjah Rahmas Abdullah, Haji Radzi Kamarulhailan, Haji Che Yahya Daud, Haji Hussin Md Yunus, (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2003).

Salah seorang daripada tokoh-tokoh ini ialah Haji Wan Ainuddin Hilmi bin

Wan Abdullah. Beliau merupakan Johan Qari di Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun 2010, 2015 dan 2016 serta Johan Qari di Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa 2016. Terkenal sebagai seorang qari muda yang mempunyai mutu bacaan bermutu tinggi serta berlahjah Arab, penglibatan beliau di dalam persada seni tilawah telah meninggalkan impak yang besar terhadap perjalanan bidang seni tarannum al-Quran tanah air. Pada 2018, kerajaan negeri telah memberi sumbangan sebuah rumah kepada Allahyarham atas kejayaan, jasa dan sumbangannya dalam usaha memartabat al-Quran. (Bernama, 2021)

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang penglibatan Wan Ainuddin Hilmi Wan Abdullah di dalam seni tarannum al-Quran serta untuk mendedahkan sifat serta karakter beliau ketika mendalami ilmu seni tarannum. Fokus utama bagi kajian ini ialah untuk mendedahkan tentang sumbangan beliau terhadap bidang seni tarannum al-Quran di Malaysia khususnya dalam sudut bacaan bertarannum, penglibatan dan kejayaan di dalam bidang tilawah al-Quran dan sumbangan dari sudut keilmuan al-Quran.

1.2 Metodologi

Kajian ini merupakan kajian biografi melalui kaedah kualitatif dimana pengkaji mengumpul maklumat melalui kaedah temubual separa berstruktur bersama isteri, ahli keluarga, para guru, dan para sahabat qari dari dalam dan luar negara. Di samping itu kaedah kajian kepustakaan juga diaplikasikan bagi mendapatkan maklumat-maklumat tambahan tentang tokoh khususnya berkaitan dengan dokumentasi penglibatan-penglibatan dan kejayaan-kejayaan yang diraih oleh tokoh ini sepanjang penglibatan beliau di dalam bidang seni tarannum di Malaysia.

2. Latar Belakang Keluarga Tokoh

Wan Ainuddin Hilmi bin Abdullah telah dilahirkan pada tanggal 18 Jun 1982 di Kota Bharu, Kelantan Darul Naim (Mahirah Husin, 2023). Anak ke-2 daripada sepuluh adik beradik ini telah mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Kebangsaan Merbau dan kemudiannya di SMU (A) Maahad Muhammadi (Lelaki). Beliau telah mendirikan rumahtangga bersama dua orang isteri. Pernikahan yang pertama tidak berkekalan. Namun perkahwinan kedua bersama Mahirah binti Husin kekal sehingga akhir hayat beliau. Beliau dikurniakan Allah s.w.t dengan 6 orang cahaya, 2 orang daripada perkahwinan

pertama dan 4 orang daripada perkahwinan kedua. Mereka ialah Wan Khadijah, Wan Shahidah Sumaiyah, Wan Muhammad, Wan Nurul Afaf Zulfa, Wan Khaulah Sarah, Wan Ahmad Nu'man (Muhammad Abdullah, 2023).

Salasilah keturunan sebelah datuk ibunya adalah daripada keturunan Wan Kelantan yang berasal dari Patani, hasil perkahwinan Syed Hussien Jamadil Kubra (Ahlul-bait) dengan Puteri Kesultanan Patani. Moyangnya pula iaitu Tuan Guru Haji Wan Muhammad Zain (Haji Awang Alim) adalah seorang ulama terkenal Kelantan dan mempunyai Pondok di kampung Atas Banggol Kota Bharu dan namanya tertulis dalam salasilah keturunan Syed Hussien Jamadil Kubra (Muhammad Abdullah, 2023) .

Ayahnya pula Abdullah bin Che Amat adalah seorang yang berketurunan Che. Manakala ibunya bernama Wan Norazipah binti Wan Muhammad Nor bin Wan Abdul Rahman bin Wan Muhammad Zain (Haji Awang Alim). Salasilah keturunan nenek ibunya adalah daripada keturunan Kesultanan Riau di mana moyangnya dikatakan adalah salah seorang anak raja dari Kesultanan Riau, iaitu Raja Hussien. Kedua-dua ayah dan ibunya berkelulusan Universiti Malaya dan aktif dalam ABIM ketika belajarnya. Ayahnya menjawat jawatan terakhir sebagai Penolong Pegawai Daerah Pasir Mas manakala ibunya menjadi suri rumah setelah mendirikan rumahtangga (Muhammad Abdullah, 2023).

2.1 Pendidikan Awal Bidang al-Quran

Menurut Muhammad bin Abdullah (2023) Guru al-Quran pertama Wan Ainuddin Hilmi adalah ayahnya sendiri, Abdullah bin Che Amat. Beliau adalah pendorong utama tokoh di dalam dunia Quran. Ayahanda beliau telah berguru al-Quran dengan Tuan Guru Haji Abdul Rahman Wakaf Bharu yang merupakan anak murid kepada Tuan Guru Haji Syafie Kedah yang belajar di Mekah selain merupakan rakan seguru dengan Qari Haji Mat Pergau dan Pak Su Mid Gunong Bachok.

Menurut Muhammad bin Abdullah (2023), abangnya telah khatam Al Quran seawal usia 5 tahun. Pada usia muda itu, ayah beliau telah memberi kepercayaan kepadanya untuk menjadi guru al-Quran kepada kanak-kanak yang turut belajar pada masa itu. Pendidikannya bermula di Madrasah Al Funiah Al Tunjuniah Kota Bharu. Kemudian beliau berpindah ke Sekolah Rendah Agama An Nur Kota Bharu dan kemudian ke Sekolah Rendah Agama Sri Kota Langgar dan berakhir di Sekolah Rendah Kebangsaan Merbau Kota Bharu.

Pendidikan menengah Wan Ainuddin Hilmi bermula di Sekolah Agama

Sullamiah Bunut Payung. Beliau kemudiannya berpindah ke Sekolah Maahad Muhammadi Lelaki Kota Bharu dan Sekolah Agama Darul Anuar Pulau Melaka (Muhammad Abdullah, 2023). Selain itu, Wan Ainuddin Hilmi juga banyak mengikuti pengajian kitab di pondok-pondok pengajian agama dan masjid-masjid di sekitar Kelantan dan Patani, Thailand antaranya Pondok Lubok Tapah, Pondok Pasir Tumbuh, Madrasah Pak Su Mid Gunong, Pondok Kubang Ikan Narathiwat.

Menurut Muhammad Abdullah (2023), penekanan terhadap kemahiran membaca al-Quran adalah suatu yang telah dipupuk oleh ayahanda beliau sejak kecil. Menurut adiknya, ayah mereka merupakan seorang guru al-Quran yang sangat tegas terhadap bacaan bertajwid. Beliau tidak akan mengubah sebarang muka surat sehinggalah anak-anak membacanya dengan tajwid yang betul. Anak-anak juga tidak akan dihantar ke sekolah melainkan mereka membaca al-Quran terlebih dahulu.

Setelah Wan Ainuddin Hilmi mendirikan rumahtangga, beliau telah menerapkan kaedah pendidikan Al-Quran yang sama terhadap anak-anaknya. Menurut Mahirah Husin (2023), suaminya tidak akan membenarkan anak-anak ke sekolah melainkan setelah mereka membaca Al-Quran terlebih dahulu meskipun waktu untuk ke sekolah sudah lewat.

Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan al-Quran telah tersemat dengan begitu mendalam di dalam kehidupan Wan Ainuddin Hilmi kerana sejak kecil beliau telah diasuh dengan pendidikan Al-Quran yang sempurna. Beliau juga telah memastikan pendidikan Al-Quran diteruskan melalui institusi keluarga yang dibina.

3. Penglibatan Dalam Bidang Seni Tarannum

3.1 Pembelajaran Seni Tarannum

Guru tarannum pertama Wan Ainudin Hilmi ialah Cikgu Hadi. Beliau tinggal di Taman Kenangan, Cherang Kota Bharu bersebelahan dengan Masjid Aman yang dahulunya merupakan sebuah surau. Di Masjid itulah Wan Ainuddin Hilmi mula mempelajari seni tarannum al-Quran (Muhammad Abdullah, 2023).

Beliau mula menyertai pertandingan tilawah adalah ketika sekolah menengah rendah. Berlangsung di Sekolah Menengah Agama Padang Siam Tanah Merah (kini Sekolah Ugama Arab Maahad Ahmadi Tanah Merah Kelantan). Bermula dari situlah arwah mula dikenali dan semakin aktif dalam dunia tilawah. Menurut

Hasan Ash Shukri (2023) Wan Ainuddin Hilmi mula menyertai majlis tilawah al-Quran peringkat daerah ketika beliau berusia 18 tahun. Ketika itu beliau masih baharu dalam bidang tilawah dan belum berjaya mendapat tempat yang baik. Namun beliau mempunyai fokus yang tinggi di dalam bidang tilawah serta mempunyai sifat ingin belajar yang tinggi sehingga selalu menekuni ilmu tarannum secara sendiri dan melalui guru-guru talaqqi beliau. Menurut Hasan Ash Shukri (2023) lagi, mereka menjalin persahabatan ketika mereka mempelajari seni tarannum bersama Ustaz Hussin Yunus dan Ust Nik Jaafar bin Nik Ismail.

Ketika berusia belasan tahun, tokoh ini mula mempelajari ilmu tarannum dengan Hj Md Hussin Mohd Yunus atau lebih dikenali dengan panggilan Cikgu Md Hussin. Beliau merupakan Johan Qari di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa tahun 1998 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007). Menurut Md Hussin (2023), Wan Ainuddin Hilmi mempunyai suara yang merdu dan sedap di dengar. Beliau juga sangat mudah menerima pelajaran dan mengikuti corak lagu yang ditunjukkan kepada beliau.

Menurut Md Hussin (2023), oleh kerana bakat yang tinggi yang ditunjukkan oleh beliau, Cikgu Md Husin telah mencadangkan supaya Wan Ainuddin Hilmi mendalami seni tarannum dengan yang lebih pakar iaitu Ustaz Nik Jaafar bin Nik Ismail yang merupakan jurulatih qari dan qariah peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta hakim bahagian tarannum di MTQ peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sekitar tahun 2004, Wan Ainuddin Hilmi seterusnya mendalami seni tarannum dengan Ustaz Che Yahya Daud yang merupakan Johan Qari di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa tahun 1999 (Che Yahya Daud, 2023). Perguruan beliau bersama Ustaz Che Yahya bermula di kediaman Ustaz Che Yahya di Beris Kubor Besar, Bachok, Kelantan. Menurut Che Yahya Daud (2023), penampilan beliau yang mirip seperti pemuda parsi dan mempunyai suara yang kuat dan seperti qari Iran membuatkan dia digelar dengan gelaran 'budak Iran'. Bermula detik itulah Wan Ainuddin Hilmi mula mendalami ilmu tarannum secara lebih serius dalam satu tempoh yang lama.

Che Yahya Daud (2023) menyatakan bahawa sejak daripada 2004 beliau tidak pernah putus belajar sehinggalah beliau berjaya dinobatkan sebagai Johan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 2016. Malah, setelah bergelar johan pun Wan Ainuddin Hilmi masih tetap meneruskan pengajian beliau bersama Ustaz Che Yahya. Demikian adalah satu bukti kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu.

Menceritakan kesungguhan Wan Ainuddin Hilmi dalam menekuni ilmu, Che Yahya Daud (2023) berkata bahawa pernah pada suatu ketika beliau datang ke rumah ustaz di Kelantan dari Petaling Jaya, Selangor semata-mata untuk bertalaqqi dengan beliau dan setelah selesai sesi talaqqi beliau terus pulang ke Petaling Jaya.

Hal ini diakui oleh isteri beliau sendiri. Menurut Mahirah Husin (2023), suaminya sanggup merantau sehingga ke Mesir pada tahun 2008, hanya dengan tujuan untuk mendalami seni tarannum dengan Syeikh Ahmad Mustafa Kamil, seorang pakar maqamat Mesir yang sangat terkenal ketika itu. Namun setelah pulang dari Mesir, susunan bacaan beliau terpaksa dirombak semula kerana sistem bacaan bertarannum di Mesir adalah berbeza dengan sistem bacaan bertarannum di Malaysia khususnya apabila melibatkan syarat-syarat di dalam majlis tilawah al-Quran yang dianjurkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Che Yahya Daud, 2023).

Selain daripada mempelajari seni tarannum melalui kelas-kelas personel seperti yang dinyatakan di atas, Wan Ainuddin Hilmi juga sering menyertai kursus-kursus tahsin al-Quran yang di anjurkan oleh JAKIM dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh jabatan agama negeri. Kursus-kursus tersebut telah banyak memberi nilai tambah terhadap mutu beliau sebagai seorang qari dan peserta di Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri dan antarabangsa.

3.2 Guru-guru Tarannum dan al-Quran

Di antara guru-guru Wan Ainuddin Hilmi dalam bidang seni tarannum dan al-Quran ialah:

- i. Abdullah bin Che Amat
- ii. Cikgu Md Hussin bin Yunus (Johan MTQA 1998)
- iii. Dato' Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail (Hakim MTQK dan MTQA)
- iv. Ustaz Che Yahya bin Daud (Johan MTQA 1999)
- v. Syeikh Hisyam bin Abdul Bari Rajeh (Mesir)
- vi. Haji Abdul Rahim bin Ahmad (Johan MTQA 1994 dan 1995)
- vii. Hajjah Faridah binti Mat Saman (Johan MTQA 1964, 1965, 1972, 1976, 1977, 1989, 1990 dan 1991)
- viii. Dato' Haji Salehuddin bin Omar (Hakim MTQA sehingga kini)
- ix. Syeikh Ahmad Mustafa Kamil (Mesir)

Semua guru ini adalah samada beliau pernah bertalaqqi dengan mereka dalam tempoh yang panjang mahupun tempoh yang singkat. Di antara guru yang paling

lama beliau bertalaqqi ialah Ustaz Che Yahya bin Daud iaitu bermula dari tahun 2004 sehinggalah 2021 (Che Yahya Daud, 2023).

3.3 Kelebihan Dari Sudut Bacaan Bertarannum

Menurut Md Hussin (2023), Wan Ainuddin Hilmi mempunyai suara dan bacaan yang berlahjah Arab. Sebutan hurufnya yang kemas juga menjadikan mutu bacaannya berada di tahap yang sangat tinggi. Manakala Che Yahya Daud (2023) berpendapat bahawa Wan Ainuddin Hilmi mempunyai pakej suara yang sempurna iaitu mempunyai tobaqat suara yang lengkap meliputi qarar, nawa, jawab dan jawab al-jawab serta mampu membuat pelbagai variasi dan jenis suara. Suara beliau juga mempunyai burdah-burdah yang halus serta mampu mengalunkan bacaan lebih baik daripada apa yang ditunjukkan oleh guru.

Menurut Che Yahya Daud (2023) lagi, bacaan beliau banyak dipengaruhi oleh uslub bacaan qari-qari dari Mesir terutamanya Syeikh Dr. Ahmad Ahmad Nuaina'. Walaupun semasa latihan bersama Ustaz Che Yahya banyak diterapkan gaya lagu Syeikh Mustafa Ismail, namun pembawakan beliau sendiri adalah lebih cenderung kepada jalan lagu Dr. Nuaina'. Ini kerana keterbasan suara yang dimiliki oleh beliau menyebabkan perkara sedemikian berlaku. Namun, Che Yahya Daud (2023) menegaskan bahawa tajwid dan fasohah beliau di dalam bacaan adalah di antara yang terbaik di Malaysia.

Kelebihan beliau di dalam bacaan bertarannum didorong oleh minat yang sangat mendalam terhadap bidang ini. Menurut Mahirah Husin (2023), suaminya sangat meminati bacaan bertarannum dan tidak menyukai muzik. Beliau telah membudayakan bacaan bertarannum di mana-mana sahaja samada ketika di rumah mahupun di dalam kederaan. Kehidupan beliau dipenuhi dengan bacaan al-Quran. Jikalau beliau tidak mengalunkan bacaan, maka beliau akan memasang audio bacaan qari-qari dari Mesir untuk di dengar. Hal ini membuatkan bacaan beliau menjadi matang dan mirip dengan bacaan qari-qari Arab.

Ahmad Tirmizi Haji Ali (2023) menyifatkan di antara kelebihan yang terdapat pada bacaan Wan Ainuddin Hilmi ialah persembahannya yang manis didengar. Beliau menguasai kaeadah-akedah berlagu dengan baik dan mampu mengimbangkan di antara tajwid, suara, lagu dan khusyuk di dalam bacaan. Hal ini membuatkan pendengar merasa tidak puas terhadap bacaan beliau. Keseimbangan di dalam bacaan beliau membuatkan kalimah-kalimah dan makna ayat tertegak dengan begitu sempurna dan. Menurut Ahmad Tirmizi Haji Ali (2023) lagi, suara beliau yang padu, tajam dan mempunyai saiz yang cukup serta mempunyai nafas panjang membolehkan beliau menunaikan hak waqaf dan

ibtida' dengan baik lantas menjadikan beliau di antara qari yang terbaik pernah dilahirkan di Malaysia dan amat sukar dicari pengganti.

Selain itu, keahlian Wan Ainuddin Hilmi juga telah diakui di dalam bidang al-Quran al-Karim oleh Syeikh Hisyam Abdul Bari melalui pengijazahan khas bacaan Quran melalui riwayat Hafs daripada Ashim setelah beliau meninggal dunia pada 2021 sebagai tanda kemuliaan dan pengiktirafan buatnya. Ini kerana Syeikh Hisyam Abdul Bari tidak sempat mengurniakan ijazah tersebut sewaktu hidupnya kerana kekangan masa dan tugas (Rajeh, 2021).

4. Sumbangan Dan Kejayaan Dalam Bidang Tarannum

4.1 Hafiah di dalam dan Luar Negara

Wan Ainuddin Hilmi semasa hayatnya telah bermusafir ke banyak negara untuk memperdengarkan bacaan al-Quran sebagai qari jemputan dan sebagai peserta di pertandingan tilawah al-Quran peringkat antarabangsa.

Menurut Mahirah Husin (2023), di antara negara dan tempat yang pernah dilawati oleh suaminya bagi tujuan hafiah al-Quran ialah:

- i. Vienna
- ii. Bangladesh
- iii. Itali
- iv. Jerman
- v. Cape Town
- vi. Maghribi
- vii. Brunei Darussalam
- viii. Singapura.

4.2 Penyertaan Majlis Tilawah al-Quran

Wan Ainuddin Hilmi juga banyak menyertai Majlis Tilawah al-Quran di dalam dan di luar negara semasa hayatnya.

Berikut di antara pencapaian beliau di dalam bidang tarannum khususnya di dalam pertandingan majlis tilawah al-Quran ialah seperti berikut:

- i. Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Wilayah Persekutuan 2010
- ii. Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan 2010
- iii. Naib Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 2010
- iv. Naib Johan Majlis Hafazan dan Tajwid al-Quran al-Fateh Peringkat

Antarabangsa di Libya 2010

- v. Naib Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa di Lubnan 2012.
- vi. Naib Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Kelantan 2014
- vii. Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Kelantan 2015
- viii. Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan 2015
- ix. Naib Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 2015
- x. Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan 2016
- xi. Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 2016

Pada 2018, kerajaan negeri telah memberi sumbangan sebuah rumah kepada Allahyarham atas kejayaan, jasa dan sumbangannya dalam usaha memartabat al-Quran (Bernama, 2021).

4.3 Hakim Majlis Tilawah al-Quran

Menurut Hassan Ash Syukri (2023), Wan Ainuddin Hilmi pernah dilantik menjadi hakim dalam bidang tajwid di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Kelantan bermula pada tahun 2017 sehingga tahun 2020 . Selain itu, beliau juga pernah menjadi hakim di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Selangor tahun 2021 (Ahmad Tirmizi Haji Ali, 2023) dan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia tahun 2019.

Selain itu, beliau juga sering diundang sebagai juri pertandingan tilawah al-Quran di pelbagai peringkat yang dianjurkan oleh badan-badan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan NGO dan badan swasta (Mahirah Husin, 2023).

5. Pengiktirafan Bacaan Oleh Qari-Qari Antarabangsa

Menurut Syarqawi (2023), seorang qari muda yang masyhur dari Mesir, Wan Ainuddin Hilmi merupakan seorang qari yang tajwidnya bagus, suaranya juga baik dan beliau seorang qari yang takutkan Allah s.w.t di dalam bacaannya kerana bacaan tepat daripada sudut tajwid dan lagu. Beliau mampu berpindah daripada lagu ke lagu lain dengan mudah, dan beliau mengikuti uslub bacaan qari-qari terdahulu seperti Syekh Mustafa Ismail. Menurut beliau lagi, pada zaman kini sangatlah sedikit kita melihat qari-qari yang mahu mengikuti uslub bacaan qari-qari daripada generasi pertama yang terdahulu. Dari sudut akhlak pula, Wan Ainuddin Hilmi memiliki akhlak yang tinggi, belas kasihan terhadap orang miskin, menyayangi sahabat-sahabat qari, seorang yang tawadduk dan suka memberi nasihat terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan di dalam bidang (al-Quran dan tarannum).

Syeikh Ahmad bin Yusuf al-Azhari, qari masyhur dari negara Bangladesh menyifatkan Wan Ainuddin Hilmi sebagai seorang qari yang mahir dan menguasai hukum hakam tajwid dan ilmu maqamat. Beliau pernah melawat negara Bangladesh sebagai qari jemputan di International Quran Conference yang dianjurkan oleh International Quran Recitation Association (IQRA) dan para jumur yang mendengar merasa sangat kagum dan berpuasthati dengan bacaan beliau (Yusuf, 2023). Syeikh Ahmad Yusuf berpandangan bahawasanya Malaysia kehilangan seorang qari yang sangat hebat terlalu awal.

Menurut Pranon Mustafa (2023), Wan Ainuddin Hilmi merupakan salah seorang qari Malaysia yang cemerlang. Melalui pertemuan mereka di International Quran Conference yang dianjurkan oleh International Quran Recitation Association (IQRA) pada tahun 2020, Pranon Mustafa (2023) mendapati bahawa bacaan Wan Ainuddin Hilmi adalah cermat ditambah dengan kecantikan suaranya dan penguasaan hukum hakam bacaan yang sangat baik. Beliau meraikan kalam Allah pada setiap hurufnya. Menurut beliau lagi, Wan Ainuddin Hilmi adalah salah seorang yang mengikuti *madrasah Syeikh Mustafa Ismail* dan Syeikh Dr. Ahmad Nuaina'. Beliau mengolah dan menggabungkan teknik bacaan kedua-dua syeikh ini dan membentuk satu uslub bacaan tersendiri dengan kemampuan suara yang dimilikinya.

Daripada sudut akhlak pula, Pranon Mustafa (2023) menyifatkan Wan Ainuddin Hilmi sebagai seorang yang tawaduk serta suka memberi senyuman. Beliau berkomunikasi dengan bahasa yang baik dengan sahabat-sahabat beliau. Beliau juga seorang yang tenang dan tidak banyak bercakap. Beliau hanya bercakap pada perkara yang diperlukan dan tidak meninggalkan kata-kata yang sia-sia. Dia juga suka bergelak ketawa namun masih menjaga adab-adab yang baik ketika bergurau. Beliau tidak suka berkata yang tidak baik terhadap qari-qari yang lain.

6. Penulisan Dalam Bidang Al-Quran

Meskipun bergelar seorang qari yang mana kebiasaannya sinonim dengan bidang ilmu seni tarannum, Wan Ainuddin Hilmi juga memiliki kepakaran di dalam bidang Tajwid al-Quran. Minat dan kesungguhan beliau di dalam bidang ilmu Tajwid membuatkan beliau menghasilkan dua buah buku yang berkaitan dengan bidang itu.

Buku-buku tersebut ialah:

6.1 Pedoman Penting Mengenali Surah al-Fatihah

Secara ringkasnya, kitab ini membahasakan tentang fakta-fakta yang berkaitan dengan surah al-Fatihah seperti sejarah penurunannya, jumlah ayatnya, terjemahan dan tafsirnya, waqaf dan ibtida'nya, hukum membacanya di dalam solat dan kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh pembaca ketika membacakan surah ini. Buku ini diterbitkan pada tahun 2014 oleh Centre of Quranic Research, Universiti Malaya ataupun dikenali sebagai (CQR). Buku ini juga disyarahkan melalui bengkel khas yang dianjurkan oleh pelbagai pihak antaranya Persatuan Tarannum Pahang dan juga Institut Pengajian Al-Quran (iPaQ) (Wan Ainuddin Hilmi Abdullah, 2014).

6.2 Matan al-Muqaddimah al-Jazariyyah: Terjemahan dan Syarah Ringkas

Buku ini adalah buku kedua dan yang terakhir berjaya dihasilkan oleh Wan Ainuddin Hilmi pada tahun 2020. Buku ini adalah terjemahan dan syarahan ringkas kepada sebuah matan yang masyhur yang dikarang oleh Imam Ibnu al-Jazari di dalam bidang ilmu tajwid iaitu al-Muqaddimah al-Jazariyyah. Istimewanya buku ini, ia disyarahkan oleh Wan Ainuddin Hilmi di dalam Bahasa Melayu. Ia mengandungi biografi Imam Ibnu al-Jazari serta syarahan bagi matan al-Muqaddimah yang meliputi bab-bab penting di dalam ilmu tajwid seperti makhraj dan sifat huruf, hukum huruf ra' dan lam, bab nun dan mim bertasydid dan mim sakinah, hukum nun sakinah dan tanwin, hukum mad, hukum waqaf dan ibtida', dan lain-lain (Wan Ainuddin Hilmi Abdullah, Matan al-Muqaddimah al-Jazariyyah: Terjemahan dan Syarah Ringkas, 2020).

7. Kesimpulan

Melalui kajian yang telah dijalankan dapatlah disimpulkan beberapa perkara penting berkenaan dengan sumbangan Wan Ainuddin Hilmi di dalam bidang tarannum di Malaysia.

Pertama, daripada sudut latar belakang tokoh, beliau telah lahir dalam sebuah keluarga yang sangat mementingkan tentang pendidikan al-Quran. Beliau juga setelah berkeluarga, telah menitikberatkan soal pendidikan al-Quran anak-anak dan isteri beliau. Hal ini merupakan suatu yang sangat penting di sisi sesebuah institusi keluarga di dalam Islam. Pendidikan al-Quran merupakan tunjang dalam pembinaan sebuah masyarakat yang berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah. Pendidikan al-Quran dapat membentuk peribadi dan

akhlak menjadi baik seterusnya mengisi keperluan-keperluan bidang pengajian al-Quran yang terdapat di dalam masyarakat. Dalam hal ini kita melihat bahawa tokoh merupakan seorang yang banyak menyumbang di dalam pendidikan al-Quran dan tarannum hasil daripada didikan yang telah diterima sejak kecil lagi.

Kedua, tokoh mempunyai latar belakang yang kuat dalam pengajian seni tarannum al-Quran. Ini kerana tokoh telah menghabiskan masa yang begitu lama untuk memahirkan diri dalam bidang ini. Selain itu, tokoh juga telah berguru dengan ramai guru yang mempunyai kepakaran dan kehebatan di dalam seni bacaan al-Quran secara bertarannum. Guru-guru beliau merupakan johan-johan majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta hakim-hakim dalam bidang tarannum, suara dan tajwid. Selian itu, beliau juga sempat menimba ilmu dengan guru-guru pakar dalam bidang tajwid, qiraat dan tarannum dari Mesir.

Ketiga, tokoh juga telah mengharumkan nama Malaysia apabila muncul sebagai Johan Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 2016. Kejayaan yang diraih beliau bukanlah suatu yang didapati dengan mudah. Ini kerana berdasarkan rekod penglibatan beliau di dalam majlis tilawah Al-Quran, terbukti bahawa beliau telah mengalami beberapa 2 siri kejayaan di peringkat kebangsaan iaitu pada tahun 2010 dan 2015, namun gagal mendapat tempat pertama di peringkat antarabangsa pada tahun-tahun tersebut. Hanya pada tahun 2016 iaitu setelah beliau berjaya mempertahankan kejohanan yang diperolehi pada 2015, barulah beliau berjaya dinobatkan sebagai johan di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke-58. Pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh tokoh sudah tentu telah banyak mematangkan beliau sebagai seorang qari di dalam dunia seni tilawah al-Quran dan memberi pengalaman yang berharga dan bermakna di dalam kehidupan beliau.

Keempat, tokoh bukan sahaja dikenali di dalam negara, akan tetapi beliau juga sangat dikenali oleh qari-qari ternama di peringkat global. Ini terbukti melalui undangan-undangan yang telah diterimanya untuk menghadiri dan memperdengarkan bacaan Al-Quran kepada komuniti muslim yang berada di luar negara. Ini merupakan suatu sumbangan yang besar terhadap negara Malaysia dalam bidang seni tarannum khususnya apabila beliau terpilih untuk mewakili qari-qari tempatan untuk memperdengarkan bacaan di peringkat antarabangsa melalui majlis haflatul Quran mahupun pertandingan tilawah yang dianjurkan oleh negara-negara Islam dan negara-negara bukan Islam di seluruh dunia. Ini juga melambangkan penerimaan masyarakat luar terhadap corak dan kualiti bacaan yang dipamerkan oleh qari tempatan Malaysia.

Kelima, tokoh bukan sahaja telah menyumbang terhadap perkembangan seni tarannum al-Quran, akan tetapi beliau juga telah memberi sumbangan ilmiah di dalam bidang ilmu tajwid al-Quran. Amatlah jarang untuk kita dapat melihat seorang qari ataupun qariah yang berkecimpung di dalam bidang tarannum dapat menghasilkan penulisan di dalam bidang tajwid al-Quran. Ini menunjukkan betapa peri pentingnya bagi seseorang qari dan qariah untuk menguasai ilmu al-Quran secara holistik dan tidak hanya menumpukan pengajian terhadap seni tarannum semata-mata. Di antara ilmu yang wajar dipelajari dan ditekuni oleh para qari dan qariah termasuklah ilmu tajwid, ilmu tafsir dan lain-lain. Ini supaya mereka dapat melagukan al-Quran dengan memelihara hukum hakam tajwid yang terdapat di dalam bacaan sebaik mungkin serta menghayati makna-makna ayat yang dibaca dengan baik.

Sesungguhnya, negara kehilangan sebutir mata yang sangat bernilai apabila kembalinya saudara Wan Ainuddin Hilmi Abdullah kepangkuan Ilahi pada hari Selasa jam 1.26 petang, tanggal 19 Oktober 2021 bersamaan 12 Rabiulawal 1443 hijrah dipercayai serangan jantung (Bernama, 2021).

RUJUKAN

- Anuar Hasin, Norazman Alias, & Zainora Daud. (2020). Signifikan penganjuran Majlis Tilawah al-Quran di Malaysia terhadap perkembangan seni tarannum tanahair. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 24–52. Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Bernama. (2021, Oktober 19). *Johan qari tilawah antarabangsa 2016 Wan Ainuddin Hilmi meninggal dunia*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/johan-qari-tilawah-antarabangsa-2016-wan-ainuddin-hilmi-meninggal-dunia-326264>
- Ibrahim, M. L., & Ghani, M. A. (2018). *Tarannum seindah bicara ilahi*. Ummah Networking.
- Ismail, N. J. (1998). *Qawaid al-tarannum (cara berlagu)*. Darul Fikir.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2003). *Sejarah Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2007). *Johan qari & qariah Malaysia: Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa 1379H/1960M–1427H/2006M*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Ali Abu Bakar. (1997). *Seni lagu al-Quran di Malaysia*. Darul Fikir.
- Nik Jaafar. (2011). *Qawaid al-tarannum: Cara berlagu*. Darul Fikir.
- Rajeh, H. A. (2021, Oktober). *[Video tentang tarannum al-Quran]* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=JA5FifNF9Es&t=343s>

- Wan Ainuddin Hilmi Abdullah. (2014). *Pedoman penting mengenali Surah al-Fatihah*. Centre of Quranic Research.
- Wan Ainuddin Hilmi Abdullah. (2020). *Matan al-Muqaddimah al-Jazariyyah: Terjemahan dan syarah ringkas*. Institut Pengajian al-Quran.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. (2010). *Fannu tilawah al-Quran*. Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.